



## KENYATAAN MEDIA

### MALAYSIA BEBAS “AFRICAN SWINE FEVER (ASF)”, MOA PERHEBAT USAHA PENCEGAHAN

1. African Swine Fever (ASF) adalah penyakit haiwan yang boleh menyebabkan kematian hampir 100% peratus babi dan babi liar. Sehingga 20 Jun 2019, enam (6) wabak ASF telah dilaporkan di Asia iaitu China, Mongolia, Vietnam, Cambodia, Korea Utara dan Laos.
2. Sejak negara China mengumumkan kes pertama ASF, sebanyak 1,133,000 ekor babi telah dimusnahkan. Di Vietnam, wabak ASF pertama dilaporkan pada 19 Februari 2019 dan sehingga kini 2,600,000 ekor babi telah dimusnahkan. Kini Negara Kemboja dan Lao PDR juga telah dijangkiti penyakit ASF.
3. Buat masa ini, Malaysia adalah **bebas** daripada penyakit ASF ini dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menerusi jabatan dan agensinya terus memperhebatkan usaha-usaha pencegahan bagi memastikan keadaan terkawal dan selamat seperti sedekimian.
4. Namun sebagai langkah pencegahan kemasukan virus ASF ke dalam negara, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) telah mengeluarkan **surat larangan pengimportan babi serta produk babi** dari Negara China (12 November 2018), Poland dan Belgium (17 Januari 2019), Thailand dan Vietnam (23 Januari 2019) dan Cambodia (4 April 2019).
5. Pemantauan dan pemeriksaan ke atas kemasukan produk daging babi dari negara-negara berisiko ASF telah dijalankan oleh MAQIS di pintu masuk utama negara bermula 12 November 2018.
6. Jumlah rampasan untuk **daging babi** sepanjang tahun 2019 (Januari – Mei) adalah berjumlah **1,667.60 kilogram** manakala untuk **produk babi** adalah berjumlah **1,508.18 kilogram**.
7. Pada bulan April jumlah rampasan daging babi yang telah direkodkan adalah paling tinggi berjumlah 687.92 kilogram manakala rampasan produk babi yang direkodkan pada bulan Mei adalah paling tinggi berjumlah 688.46 kilogram.

8. Sehingga kini, sebanyak **180 sampel daging** dan produk daging babi dari negara berisiko ASF telah disampel dari Pelabuhan Kelang Barat, Pelabuhan Pasir Gudang dan Bukit Kayu Hitam dan diuji dan tiada virus ASF dikesan dari semua sampel yang telah diuji.
9. MAQIS juga telah menjalankan pemeriksaan dan rampasan produk babi yang dibawa masuk oleh penumpang kapal terbang dari negara berisiko ASF di pintu masuk KLIA, KLIA2 serta lapangan terbang antarabangsa Pulau Pinang, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu.
10. Secara umumnya adalah dinasihatkan penumpang kapal terbang tidak boleh membawa masuk apa-apa produk berasaskan haiwan terutamanya daging babi dan produknya.
11. Penumpang yang datang daripada Negara China, Hong Kong, Macau, Vietnam, Kemboja, Lao PDR akan diperiksa dengan lebih teliti supaya kemasukan produk babi dapat dihalang.
12. Jika penumpang kapal terbang terbawa masuk produk tersebut, sila serahkan kepada pegawai MAQIS untuk tujuan pelupusan.
13. Kerajaan amat prihatin dan memandang serius serta mengambil berat terhadap isu-isu **keselamatan makanan** dan **risiko kejadian penyakit merbahaya** yang sekiranya berlaku di Malaysia boleh menjejaskan ekonomi negara dan kesejahteraan hidup rakyat.
14. Sehubungan dengan itu, kerjasama yang erat akan diteruskan di antara semua kementerian, jabatan dan agensi yang terlibat bagi mencegah wabak ini masuk ke dalam Negara.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**4 JULAI 2019**